MUKLIS JAFAR A

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
SURIYADI HALIM OMAR HMR
HASAN LAH HMR
AHMAD MAAROP HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-25-2009]
16 MAC 2010 C

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan - Sabitan, terhadap - Sabitan pengedaran dadah berbahaya - Sama ada rantaian keterangan eksibit material telah terputus - Sama ada pendakwaan perlu memanggil kesemua saksi dalam rantaian keterangan mengenai pergerakan eksibit - Sama ada* D *eksibit yang dikemukakan dalam perbicaraan dibuktikan sebagai eksibit yang sama yang dirampas oleh polis*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(2) - Anggapan mengedar dadah bahaya cannabis seberat* E *866 gram - Milikan dadah berbahaya dibuktikan tanpa bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) ADB - Anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) ADB terpakai - Kes prima facie dibuktikan - Asas pembelaan tidak diajukan kepada saksi pendakwaaan semasa pemeriksaan balas - Pembelaan gagal menimbulkan keraguan yang* F *munasabah - Kes pendakwaan dibuktikan beyond reasonable doubt*

Perayu telah dituduh dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya, iaitu, 866 gram Cannabis. Perayu telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman mati di bawah s. 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB). Perayu telah merayu atas alasan bahawa rantaian G keterangan eksibit material telah terputus. Peguam perayu menyatakan bahawa selepas dadah itu dirampas oleh SP4 daripada perayu pada 23 September 2004, ketulan tersebut telah diserahkan kepada pegawai penyiasat (SP8). Pada 24 September 2004 SP8 telah menyerahkan ketulan tersebut kepada SP7 untuk dihantar kepada H SP6 di Makmal Forensik PDRM untuk dibuat pengesanan cap jari. SP7 tidak dapat menyerahkan ketulan tersebut kepada SP6 pada 24 September 2004 kerana SP6 bercuti. SP7 telah menyimpan ketulan tersebut di Setor Barang Kes di Makmal Forensik PDRM. Kunci setor tersebut disimpan oleh DSP Samad. Pada 27 September 2004, I SP7 telah mengambil semula ketulan tersebut dari setor dan

menyerahkannya kepada SP6. Pada 13 Januari 2005, SP6 telah mengembalikan ketulan tersebut kepada SP8. Pada 14 Januari 2005, SP8 telah menyerahkan ketulan tersebut kepada SP3 untuk dianalisa. Menurut peguam perayu, terdapat keraguan sama ada eksibit yang dirampas dari perayu adalah eksibit yang telah dianalisa oleh SP3 kerana DSP Samad yang memegang kunci setor barang kes di Makmal Forensik PDRM telah tidak dipanggil untuk memberi keterangan dan telah juga tidak ditawarkan kepada pihak pembelaan, dan tiada penjelasan diberikan oleh pihak pendakwaan. Peguam menambah bahawa dari 24 September 2004 hingga 27 September 2004 ketulan tersebut yang tidak bermetri berada dalam setor Makmal Forensik PDRM. Peguam berhujah bahawa tidak ada cara untuk memastikan sama ada ketulan tersebut telah diusik.

Diputuskan (menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman)
Oleh Ahmad Maarop HMR:

(1) Adalah tidak perlu pihak pendakwaan memanggil kesemua saksi yang ada dalam rantaian keterangan mengenai pergerakan sesuatu eksibit yang dipertikaikan. Soalan yang penting dalam kes ini ialah sama ada eksibit yang dikemukakan dalam perbicaraan di mahkamah adalah eksibit yang sama yang telah dirampas oleh pegawai polis di tempat kejadian. Jika pegawai yang telah merampas eksibit tersebut mengecam eksibit yang dikemukakan di mahkamah sebagai eksibit yang sama yang telah dirampasnya dari tempat kejadian ini adalah memadai. (perenggan 4)

(2) SP4 telah menandakan ketulan dadah yang dirampasnya dari perayu. Tanda-tanda tersebut telah membolehkannya mengecamkan dengan pasti plastik (P8E) yang membalut ketulan tersebut dan juga gambar P4 sebagai gambar yang menunjukkan ketulan tersebut. Keterangan SP4 tentang identiti ketulan yang dirampasnya itu langsung tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan. Pihak pendakwaan juga telah memanggil kesemua saksi dalam rantaian pergerakan ketulan tersebut dari masa ia dirampas oleh SP4 dari perayu hinggalah ke SP3, kemudian balik kepada SP8. (perenggan 7)

(3) Tugas DSP Samad hanyalah menyimpan kunci Setor Barang Kes di Makmal Forensik. Bukan DSP Samad yang menyimpan ketulan tersebut di dalam setor tersebut. Yang menyimpan ketulan tersebut ke dalam setor tersebut ialah SP7. (perenggan 7)

(4) Tiada keraguan bahawa ketulan yang telah dirampas oleh SP4 dari perayu adalah eksibit yang sama yang telah dihantar kepada SP3 dan dianalisa oleh SP3 dan disahkannya mengandungi dadah berbahaya iaitu, 866 gram Cannabis, dan bahawa dadah bahaya itulah yang didakwa diedar oleh perayu seperti dalam pertuduhan terhadapnya. Hakim bicara telah dengan betul memutuskan bahawa tiada alasan yang mewajarkannya meragukan identiti eksibit yang dirampas dari perayu. (perenggan 7)

(5) Pihak pendakwaan telah membuktikan secara affirmative bahawa perayu mempunyai possession yang menjadi subjek pertuduhan terhadapnya, tanpa bergantung kepada presumption mengenai possession di bawah s. 37(d) ADB. Oleh kerana berat Cannabis tersebut adalah lebih dari 200 gram, presumption di bawah s. 37(da) ADB terpakai dan perayu dianggap telah mengedar dadah berbahaya tersebut. Pihak pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu. (perenggan 8)

(6) Pembelaan perayu ialah bahawa dia telah diupah RM150 untuk pergi ke tempat kejadian oleh kawan-kawannya – Jamal dan Wahyiddin bagi mengambil bungkusan yang berisi ramuan ubat-ubat dari seorang bernama Jali. Sebelum sempat dia mengambil bungkusan tersebut dia telah ditangkap. Jika asas pembelaan itu benar sudah pasti perayu tidak akan terlepas pandang untuk mengajukannya (put) kepada saksi-saksi pihak pendakwaan terutama SP4 semasa mereka memberikan keterangan dalam pemeriksaan balas. (perenggan 11)

(7) Perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pihak pendakwaan, dan pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap perayu beyond reasonable doubt. (perenggan 11)

English *Translation Of Headnotes*

The appellant had been charged with an offence of trafficking in dangerous drugs, namely 866 grams of Cannabis, and was sentenced to death under s. 39B(2) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') upon his conviction. The appellant appealed on the ground that there was a break in the chain of evidence in respect of the material exhibits. According to the appellant's counsel, following the seizure of the drugs from the appellant by PW4, the drugs was

delivered to the investigating officer, PW8, on 23 September 2004. On 24 September 2004, PW8 handed the drugs to PW7 for further delivery to PW6 at the Royal Malaysian Police Forensic Laboratory ('Makmal Forensik PDRM') for evidencing of finger print. However, PW6 was then on leave, and PW7 was unable to deliver the drugs to PW6 on 24 September 2004. PW7 hence kept the drugs at the Exhibits Store Room of the Makmal Forensik PDRM ('the store room'), the keys to which was kept by one DSP Samad. On 27 September 2004, PW7 retrieved the drugs from the store room and delivered it to PW6. However, it was not until 13 January 2005 that PW6 had returned the drugs to PW8, who then delivered same to PW3 on 14 January 2005 for the latter's chemical analysis. It was the counsel's argument, based on the obtaining facts, that doubts arose as to whether the exhibits that were seized from the appellant were the same exhibits that had been analysed by PW3, bearing in mind that DSP Samad had not been called to testify or offered to the defence, and no explanation was afforded by the prosecution for the lapse. It was further argued that from 24 September 2004 to 27 September 2004, the drugs, which had not been sealed, had been placed in the store room throughout, and there was no way to determine whether the said drugs had not been tampered with.

Held (dismissing appeal and affirming conviction and sentence)
Per Ahmad Maarop JCA delivering the judgment of the court:

(1) There is no necessity for the prosecution to call all the witnesses who stood in the way of the chain of evidence relating to the movement of the exhibits in dispute. The prime question in this case is whether the exhibits which had been produced at the trial were the same exhibits that were seized by the police from the scene. If the officer who seized the exhibits had identified the exhibits in court as the same exhibits that he had seized at the scene, then that was sufficient.

(2) PW4 had marked the drugs that were seized from the appellant. The marking had allowed him to identify positively the plastic wrapping of the drugs (P8E) and photo P4 as the photo showing the drugs. PW4's evidence on the identity of the drugs seized had not at all been challenged by the defence. The prosecution also had called in all the witnesses who stood in the chain of the movement of the drugs from the date it was seized by PW4 to the time it was handed to PW3 and back to PW8.

(3) DSP Samad's duty is only to keep the keys to the store room at the Makmal Forensik PDRM. He was not the one who kept the drugs in the store room. The person who kept the drugs in the store room was PW7.

(4) There was no doubt that the drugs that was seized by PW4 from the appellant was the same exhibits that was sent to PW3 and analysed and confirmed by him to be containing dangerous drugs, to wit 866 grams of Cannabis, and that, that was the drugs that had been trafficked by the appellant as per the charge against him. The trial judge was correct in holding that there was nothing that could cause him to doubt the identity of the exhibits seized from the appellant.

(5) The prosecution had affirmatively proved that the appellant was in possession of the drugs in question without relying on the presumption under s. 37(d) DDA. Consequently, since the weight of the Cannabis is more that 200 grams, the presumption under s. 37(da) applied and the appellant is presumed to have been trafficking in the said dangerous drugs. The prosecution had thus proved a *prima facie* case against the appellant.

(6) The appellant's defence was that he had been paid RM150 by his friends – Jamal and Wahyiddin – to go to the scene to retrieve a packet of medicinal ingredients from one Jali but was arrested even before collecting the same. If the basis of this defence is true, then the appellant could not have overlooked putting it to the prosecution's witnesses, especially PW4, when they were giving evidence during cross-examination.

(7) The appellant had failed to raise any reasonable doubt to the prosecution's case and the prosecution had proved a case against the appellant beyond reasonable doubt.

Kes-kes yang dirujuk:
Gunalan Ramachandran & Ors v. PP [2004] 4 CLJ 551 CA ***(dirujuk)***
Su Ah Ping v. PP [1979] 1 LNS 100 FC ***(dirujuk)***
Udayar Alagan & Ors v. PP [1961] 1 LNS 146 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(d), (da), 39B(2)
Evidence Act 1950, s. 114(g)

A *Bagi pihak perayu - T Vijay; T/n T Vijay & Co*
Bagi pihak responden - Suzana Atan TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 45-8-2006]

B *Dilaporkan oleh Amutha Suppayah*

PENGHAKIMAN

C **Ahmad Maarop HMR:**

Pertuduhan

[1] Perayu telah dituduh di Mahkamah Tinggi dengan kesalahan memperedarkan dadah berbahaya, iaitu, 866 gram Cannabis pada
D 21 September 2004 jam lebih kurang 9.45 malam di Jalan Shahpadu, Kampung Teluk Kapas, Rantau Panjang, Klang, Selangor. Perayu didapati bersalah atas kesalahan tersebut dan dikenakan hukuman mati yang ditetapkan di bawah s. 39B(2) Akta
E Dadah Berbahaya 1952 (ADB). Perayu telah merayu ke mahkamah ini.

[2] Fakta-fakta ringkas kes ini adalah seperti berikut. Pada lebih kurang jam 9.15 malam 21 September 2004, bertindak atas maklumat Chief Inspector Mohd Husni b. Manaf (SP4) telah
F mengetuai sepasukan anggota polis membuat serang hendap dalam semak di tepi Jalan Shahpadu, Kampung Teluk Kapas, Rantau Panjang, Klang, untuk menangkap seorang yang disyaki terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah yang akan datang dengan sebuah motosikal. Kira-kira 15 minit kemudian, SP4 nampak sebuah
G motosikal Suzuki RC Sports datang dari arah kawasan perumahan, dan masuk ke dalam kawasan serang hendap. Motosikal tersebut berhenti di atas jalan itu di hadapan sebuah titian. SP4 nampak hanya seorang sahaja yang menunggang motosikal tersebut. Orang itu (seorang lelaki) telah mematikan enjin motosikal tersebut dan
H menongkatnya. Pada masa dia masih berada di atas motosikal tersebut, SP4, (yang berada lebih kurang 4 kaki dari motosikal tersebut) berserta anggota-anggota pasukannya telah menyerbu ke arah lelaki tersebut dan memperkenalkan dirinya sebagai polis. Lelaki tersebut cuba turun dari motosikal tersebut untuk melarikan
I diri. Sebelum dia berjaya turun dari motosikal tersebut, SP4 telah

cuba menangkapnya dan berlaku pergelutan kerana lelaki tersebut meronta-ronta untuk melepaskan dirinya. Lelaki tersebut telah jatuh ke atas jalan dan berjaya ditangkap. Lelaki tersebut telah dicamkan sebagai perayu. SP4 telah membuat pemeriksaan ke atas badan perayu. Dalam pemeriksaan itu, di sebelah bawah perut perayu, SP4 dapat merasakan macam ada satu ketulan keras. SP4 telah menyelak baju perayu ke atas dan nampak sebahagian dari ketulan berbalut plastik lutsinar di bawah pusat perayu. SP4 telah mengeluarkan ketulan berbalut plastik lutsinar itu. Ketulan berbalut plastik lutsinar itu adalah seperti yang ditunjukkan dalam P4. SP4 dapati ketulan berbalut plastik itu adalah satu ketulan mampat daun kering yang disyaki ganja. Selepas ini dalam penghakiman ini ketulan mampat daun kering itu disebut sebagai ketulan tersebut. SP4 telah merampas ketulan tersebut. Selain dari perayu tiada terdapat mana-mana orang awam lain di tempat kejadian. Abdul Rahim Shadan, Ahli Kimia (SP3) telah mengesahkan bahawa ketulan tersebut mengandungi 866 gram Cannabis, iaitu, sejenis dadah berbahaya di bawah ADB.

Keputusan Mahkamah

[3] Di hadapan kami peguam perayu telah berhujah atas satu alasan sahaja – iaitu, terputusnya rantaian keterangan tentang eksibit material dalam kes ini, iaitu, ketulan tersebut yang didakwa oleh pihak pendakwa dirampas dari perayu. Peguam berhujah bahawa ini telah mengakibatkan pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu. Menyorot kembali pergerakan ketulan tersebut, peguam menyatakan bahawa selepas dirampas oleh SP4 pada 23 September 2004, ketulan tersebut telah diserahkan kepada pegawai penyiasat (SP8) 3 jam kemudian. Pada 24 September 2004 SP8 telah menyerahkan ketulan tersebut kepada SP7 untuk dihantar kepada SP6 di Makmal Forensik PDRM untuk dibuat pengesanan cap jari. SP7 tidak dapat menyerahkan ketulan tersebut kepada SP6 pada 24 September 2004 kerana SP6 bercuti. SP7 telah menyimpan ketulan tersebut di Setor Barang Kes di Makmal Forensik PDRM. Kunci setor tersebut disimpan oleh DSP Samad bin Yahya. Pada 27 September 2004, SP7 telah mengambil semula ketulan tersebut dari setor dan menyerahkannya kepada SP6. Pada 13 Januari 2005, SP6 telah mengembalikan ketulan tersebut kepada SP8. Pada 14 Januari 2005, SP8 telah menyerahkan ketulan tersebut kepada SP3 untuk dianalisa. Menurut peguam, pihak pembelaan tidak mempertikaikan bahawa eksibit yang dikemukakan di Mahkamah

adalah Cannabis. Tetapi beliau berhujah bahawa terdapat keraguan sama ada eksibit yang dirampas dari perayu adalah eksibit yang telah dianalisa oleh SP3. Menurut peguam, ini adalah kerana DSP Samad Yahya yang memegang kunci setor barang kes di Makmal Forensik PDRM telah tidak dipanggil untuk memberi keterangan dan telah juga tidak ditawarkan kepada pihak pembelaan, dan tiada penjelasan telah diberikan oleh pihak pendakwaan. Peguam menambah bahawa dari 24 September 2004 hingga 27 September 2004 ketulan tersebut yang tidak bermetri berada dalam setor Makmal Forensik PDRM. Peguam berhujah bahawa tidak ada cara untuk memastikan sama ada ketulan tersebut telah diusik (tampered) atau tidak. Beliau juga menambah bahawa tiada keterangan diberikan tentang sama ada terdapat satu daftar tentang eksibit-eksibit yang disimpan di setor itu dan sama ada dalam setor itu terdapat eksibit-eksibit lain, selain dari eksibit dalam kes ini. Peguam berhujah bahawa kesimpulan boleh dibuat secara munasabahnya bahawa DSP Samad ada akses kepada ketulan tersebut. Oleh itu peguam berhujah bahawa tanpa DSP Samad dipanggil memberikan keterangan, keselamatan ketulan tersebut adalah diragukan. Menurut peguam juga, Mahkamah bicara sepatutnya membuat adverse inference di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950.

[4] Kami tidak dapat menerima hujah peguam perayu itu. Kedudukan undang-undang yang terpakai mengenai perkara yang dibangkitkan oleh peguam itu adalah jelas. Adalah tidak perlu pihak pendakwaan memanggil kesemua saksi-saksi yang ada dalam rantaian keterangan mengenai pergerakan sesuatu eksibit yang dipertikaikan dalam setiap kes. Soalan yang penting dalam kes ini ialah sama ada eksibit yang dikemukakan dalam perbicaraan di mahkamah adalah eksibit yang sama yang telah dirampas oleh pegawai polis yang berkenaan di tempat kejadian. Jika pegawai yang telah merampas eksibit tersebut mengecam eksibit yang dikemukakan di mahkamah sebagai eksibit yang sama yang telah dirampasnya dari tempat kejadian ini adalah memadai. Untuk tujuan ini adalah elok (desirable) bagi seorang pegawai polis menandakan eksibit yang dirampasnya. Hal ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Su Ah Ping v. PP* [1979] 1 LNS 100 yang seringkali dirujuk. Dalam menyampaikan penghakiman mahkamah dalam kes tersebut Suffian KHN menyatakan:

> The complaint before us was not that there had been no proof that the exhibits were serviceable, but simply that there was a "break in the chain of evidence", and the prosecution should have called as witnesses all the officers through whose hands the exhibits passed from Inspector Takbir to the armourer and back to the Inspector. We do not think there is merit in this point. The question was whether the exhibits the Inspector produced were the guns and ammunition he found at the scene, and as when he produced them as those very guns and ammunition there was no objection by the defence, it would have been a waste of judicial time to call all the intervening handlers. *In our experience much judicial time is spent unnecessarily, notably in subordinate courts, in ensuring no break in the chain of evidence. In our judgment, if the officer who picked up an object at the scene produced it and identified it as that very object, that is enough, and there is no need to call every other officer who handled it.*
>
> *For this reason it is desirable for a police officer who picked up an object that is easily marked such as a gun, to mark it well, in case it may be needed later on as an exhibit. There are, however, objects such as blood samples and the like that cannot be easily marked; it is only in the case of such objects that it may be necessary to call everybody who has handled it – then only if there is doubt as to identify.* (Tekanan ditambah).

[5] Dalam kes pengedaran dadah (seperti dalam kes ini), apa yang mesti dibuktikan ialah bahawa eksibit (yang disyaki dadah berbahaya) yang dirampas (dalam kes ini dari perayu) adalah eksibit yang sama yang telah dihantar kepada Ahli Kimia untuk dianalisa dan bahawa eksibit yang sama telah disahkan sebagai dadah berbahaya dan bahawa dadah berbahaya itulah yang didakwa orang kena tuduh mengedarnya. Perkara ini telah dijelaskan oleh Mahkamah ini dalam kes *Gunalan Ramachandran & Ors v. PP* [2004] 4 CLJ 551, di mana di ms 568-569 Abdul Hamid Mohamed HMR (kemudiannya KHN) menyatakan:

> First, by way of a general observation, I am of the view that, in a drug trafficking case *what is important is that it must be proved that it is the substance that was recovered that was sent to the chemist for analysis and it is that same substance that is found to be heroin or cannabis etc and it is in respect of that substance that an accused is charged with trafficking. So, the chain of evidence is more important for the period from the time of recovery until the completion of the analysis by the chemist. Even then it does not necessarily mean that if the exhibit is passed from one person to another, every one of them must be called to give evidence of the handing over from one person to another and if there is a break, even for one day, the case falls.* There should be no

A confusion between what has to be proved and the method of proving it. What has to be proved is that it is the substance that was recovered that was analysed by the chemist and found to be heroin, cannabis etc., and it is for the trafficking of that same substance that the accused is charged with.

B *The proof of the chain of evidence is only a method of proving that fact. The fact that there is "a gap", does not necessarily mean that that fact is not proved. It depends on the facts and circumstances of each case. There may be a gap in the chain of evidence. But, if for example, during that "gap" the exhibits are sealed, numbered with identification numbers,*
C *there is no evidence of tempering, there is nothing that would give rise to a doubt that that exhibit is the exhibit that was recovered in that case and that was analysed by the chemist,* the fact that there is a gap, in the circumstances of the case, may not give rise to any doubt of that fact. (Tekanan ditambah).

D **[6]** Kami beralih kepada keterangan yang telah dikemukakan oleh saksi-saksi pihak pendakwaan mengenai eksibit yang menjadi subjek pertuduhan terhadap perayu. Keterangan SP4 menunjukkan bahawa selepas mengeluarkan ketulan tersebut dari dalam baju di bahagian bawah pusat perayu, SP4 telah membawa ketulan tersebut ke IPD
E Klang dan ketulan tersebut sentiasa berada dalam kawalannya. Di IPD Klang, selain dari membuat laporan polis, menyediakan senarai pemeriksaan (P13) dan borang serah menyerah (P14), SP4 telah menandakan ketulan tersebut dengan huruf "A", tarikh 21 September 2004 dan tandatangannya. Tanda-tanda tersebut telah
F membolehkan SP4 mengecamkan gambar P4 (ms 193, rekod rayuan, Jilid 3) sebagai gambar yang menunjukkan ketulan tersebut yang telah dirampasnya. Tanda-tanda tersebut juga telah membolehkan SP4 mengecam plastik lutsinar yang membalut ketulan tersebut yang dirampas dari perayu. Pada lebih kurang jam 12.30 pagi
G 22 September 2004, SP4 telah menyerahkan ketulan tersebut kepada SP8. Sehubungan ini, SP4 menyatakan bahawa semasa di IPD Klang dia seorang yang mengawal ketulan tersebut sebelum menyerahkannya kepada Chief Insp. Che Shamsuddin Che Yusoff (SP8). Untuk tujuan tersebut, satu borang serah terima barang kes/
H okt (P14) telah ditandatangani oleh SP4 dan SP8. Keterangan SP4 tentang ketulan tersebut yang baru kami nyatakan itu tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan. Pihak pembelaan tidak mengemukakan sebarang soalan untuk mempertikaikan identiti ketulan tersebut atau pergerakannya. Tiada sebarang soalan
I dikemukakan kepada SP4 atau saranan dibuat (put) kepada SP4

bahawa ketulan tersebut yang dicamkan oleh SP4 di mahkamah bukan ketulan yang dirampasnya dari perayu. Dalam keterangannya SP8 mengesahkan penerimaan ketulan tersebut dari SP4. SP8 telah mengecamkan gambar P4 sebagai gambar yang menunjukkan ketulan tersebut yang diterimanya dari SP4. SP8 telah mengecamkan P8E sebagai plastik lutsinar yang membaluti ketulan tersebut yang diterimanya dari SP4. SP8 telah mengecamkan P8E berdasarkan kepada tandatangan ringkasnya yang telah dibuatnya atas eksibit tersebut dan juga tanda-tanda yang telah dibuat oleh SP4. Pada 22 September 2004, selepas menerima eksibit-eksibit seperti yang disenaraikan dalam P14 termasuk ketulan tersebut (kecuali motosikal), SP8 telah menyimpannya di dalam peti kabinet besi berkunci di pejabatnya di IPD Klang. Tidak ada barang-barang kes bagi kes lain lagi dalam peti besi tersebut. Hanya SP8 seorang yang mempunyai kunci kepada peti besi itu. Pada jam 4.20 petang, SP8 telah keluarkan semula ketulan tersebut untuk diambil gambar. Selepas itu SP8 telah masukkan semula ketulan tersebut ke dalam kabinet berkuncinya. Pada 24 September 2004 SP8 telah keluarkan ketulan tersebut dan menyerahkannya kepada Sjn. 108019 Kamaruzaman Harun (SP7) untuk dihantar ke Makmal Forensik, PDRM Cheras untuk dibuat pengesanan cap jari. Untuk tujuan ini SP8 telah menyediakan dan menandatangani permohonan mengesanan cap jari (P19). Pada 24 September 2004, SP7 bertugas di Bahagian Liaison Di Makmal Forensik, PDRM sebagai pendaftar, penerima, penyimpan dan penyerah barang-barang kes. Barang-barang kes tersebut datangnya dari pegawai-pegawai penyiasat untuk dimajukan kepada pegawai juruanalisa di Makmal Forensik tersebut untuk dianalisa. Pada 24 September 2004 pada jam 3.54 petang SP7 menerima ketulan tersebut serta P19 dari SP8. SP7 mengecamkan gambar P4 sebagai gambar yang menunjukkan ketulan tersebut. Menurut SP7, selepas menerima ketulan tersebut dari SP8, dia telah menyimpannya ke dalam Setor Barang Kes di Makmal Forensik PDRM kerana pada 24 September 2004 Pegawai juruanalisa cap jari tidak ada di pejabat. SP7 telah letakkan satu tanda kertas pada kotak yang di dalamnya SP7 masukkan ketulan tersebut. Tanda kertas itu mengandungi nombor report bagi ketulan tersebut. Menurut SP7, Setor Barang Kes di mana dia menyimpan ketulan tersebut (dari 24 September 2004 hingga 27 September 2004) sentiasa berkunci dan kuncinya disimpan oleh DSP Samad b. Yahya. Pada 27 September 2004 jam 9.42 pagi, SP7 telah menyerahkan ketulan tersebut kepada ASP Izanizam b. Salleh (SP6). SP7 tidak disoal

balas oleh pihak pembelaan (lihat ms 71, rekod rayuan, jilid 2). SP6 mengesahkan bahawa pada 27 September 2004 dia telah menerima ketulan tersebut yang bertanda dengan tanda "A", bertarikh 21 September 2004 dan mempunyai dua tandatangan. Untuk mengesahkan perkara ini SP6 dan SP7 telah menandatangani dokumen "Serah Menyerah Barang Kes" (P20). SP6 telah mengecam gambar P4 sebagai gambar yang menunjukkan ketulan tersebut. SP6 juga telah mengecam P8E sebagai plastik lutsinar yang membalut ketulan tersebut. Selepas membuat pengesanan cap jari, pada 13 Januari 2005, SP6 telah memulangkan ketulan tersebut kepada SP8. Untuk ini satu dokumen "Serah Menyerah Barang Kes" (P22) telah ditandatangani oleh SP6 dan SP8. SP6 langsung telah tidak disoal balas oleh pihak pembelaan. SP8 mengesahkan penerimaan barang kes tersebut dari SP6 yang telah dibawanya pulang ke pejabatnya dan disimpan dalam peti besi berkunci di pejabatnya. Pada 14 Januari 2005, SP8 telah mengeluarkan ketulan tersebut dan memasukkannya ke dalam satu sampul surat "Urusan Seri Paduka Baginda" yang telah ditandakannya dengan huruf "A". Di sampul tersebut SP8 juga telah tulis "Jabatan Kimia Petaling Malaysia, Petaling Jaya", "Klang Rpt 35154/01, No. IP (v) 613/04, s. 39B, ADB, 1952 dan I/O Inp. Che Shamsuddin b. Che Yusoff". Selepas itu, SP8 telah meterikan kotak tersebut dengan meteri "PDRM 568". Pada tarikh yang sama SP8 telah menyerahkan sampul bertanda "A" itu kepada Ahli Kimia (SP3) dan diberikan satu resit penerimaan (P10). SP3 mengesahkan bahawa pada 14 Januari 2005 dia telah menerima sampul surat bertanda A bermeteri 'PDRM 568' untuk analisa bagi menentukan jenis dadah dan beratnya. Dalam sampul surat tersebut SP3 mendapati satu bungkusan balutan plastik bertanda "A" yang mengandungi satu ketulan mampat bahan tumbuhan. Selain dari tanda "A" pada sampul itu, terdapat juga tulisan "Jabatan Kimia Malaysia Petaling Jaya", Klang Rpt 35754/04; IP(N) 613/04; s. 39B, ADB 1952, I.O Inp. Che Shamsudin b. Che Yusof. Ertinya, dalam sampul surat bertanda A itu SP3 mendapati ketulan tersebut. SP3 telah memberikan satu resit penerimaan (P10) kepada SP8. Kemudian SP3 telah melekatkan pelekat yang telah tercetak nombor makmal kes tersebut, iaitu, (PJ) FOR 461/05-0, pada sampul surat "A" tersebut. Selepas menjalankan analisa ke atas ketulan tersebut, SP3 telah masukkan bahan tumbuhan yang telah dianalisanya ke dalam satu plastik yang dibekalkannya dan ditandakannya dengan huruf "A" serta nombor makmal (PJ) FOR 461/05-0. Peket plastik

tersebut telah dimasukkan oleh SP3 ke dalam sampul surat "A" bersama-sama dengan pembalut asal. SP3 telah meterikan sampul surat bertanda "A" itu dengan lebel keselamatan Jabatan Kimia Malaysia. Pada 20 Jun 2005 SP3 telah mengembalikan sampul surat bertanda A itu kepada SP8. Di dalam mahkamah SP3 telah mengecam sampul tersebut ID8 (kemudiannya P8). SP3 telah membuka ID8 dengan kebenaran mahkamah dan mengeluarkan plastik yang dibekalkan olehnya (P8B) yang mengandungi Cannabis (P8A). SP3 juga telah mengeluarkan dan mengecam P8E pembalut asal bahan tumbuhan yang terdapat dua tandatangan dan tarikh 21 September 2004. SP3 juga telah mengecam gambar P4 sebagai gambar yang menunjukkan ketulan tersebut. Pada 20 Jun 2005, SP8 telah menerima semula sampul bertanda "A" daripada SP3 dan menyimpannya dalam kabinet besi berkunci di pejabatnya. Pada 21 Jun 2005 SP8 telah menyerahkan sampul tersebut kepada pegawai yang menjaga setor barang kes IPD Klang, Kpl. Ibrahim b. Hj. Nikmat (SP2) untuk disimpan. SP2 mengesahkan penerimaan sampul tersebut dan mencatatkan dalam Buku Pol. 261 (P6) dan memberikannya tanda "BND". Keterangan SP8 tentang identiti ketulan tersebut yang diterimanya dari SP4 serta tentang pergerakan ketulan tersebut dari tangannya kepada SP7, menerimanya dari SP6, menghantarnya kepada SP3 dan menerima semula dari SP3 tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan.

[7] Dari keterangan yang telah kami nyatakan itu, adalah jelas bahawa SP4 telah menandakan ketulan tersebut yang telah dirampasnya dari perayu. Tanda-tanda tersebut telah membolehkannya mengecamkan dengan pasti plastik (P8E) yang membalut ketulan tersebut dan juga gambar P4 sebagai gambar yang menunjukkan ketulan tersebut. Seperti yang kami telah tunjukkan, keterangan SP4 tentang identiti ketulan tersebut yang dirampasnya itu langsung tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan. Malahan tiada sebarang soalan diajukan kepada SP4 tentang ketulan tersebut untuk menunjukkan atau menimbulkan keraguan yang munasabah bahawa eksibit yang dihantar SP4 kepada SP3 untuk dianalisa oleh SP3 dan disahkan oleh SP3 mengandungi 866 gram Cannabis bukan eksibit yang dirampas oleh SP4 dari perayu. Selain itu seperti yang telah kami tunjukkan, kami dapati bahawa pihak pendakwaan telah memanggil kesemua saksi-saksi dalam rantaian pergerakan ketulan tersebut dari masa ia dirampas oleh SP4 dari perayu hinggalah ke SP3, kemudian balik kepada SP8. Peguam berhujah bahawa kegagalan pihak pendakwa memanggil DSP Samad Yahya telah

membawa padah kepada kes pihak pendakwa. Kami dapati dari keterangan SP7, tugas DSP Samad Yahya hanyalah menyimpan kunci Setor Barang Kes di Mahkamah Forensik. Keterangan menunjukkan bahawa bukan DSP Samad yang menyimpan ketulan tersebut di dalam setor tersebut. Yang menyimpan ketulan tersebut ke dalam setor tersebut ialah SP7 yang memang bertugas di Bahagian Liaison Makmal Forensik PDRM sebagai pendaftar, penerima, penyimpan dan penyerah barang-barang kes dari pegawai-pegawai penyiasat untuk dimajukan kepada pegawai juruanalisa di Makmal Forensik. Menurut SP7, semasa menyimpan ketulan tersebut dia telah meletakkan satu tanda kertas yang mengandungi nombor report bagi ketulan tersebut di kotak yang digunakannya untuk memasukkan ketulan tersebut. SP7 terpaksa menyimpan ketulan tersebut di dalam setor tersebut kerana pegawai juruanalisa bercuti pada hari tersebut. Pada 27 September 2004 dia telah mengambil ketulan tersebut yang telah dicamkannya sebagai bungkusan yang ditunjukkan dalam gambar P4 dan menyerahkannya kepada SP6 yang juga telah mengesahkan penerimaan eksibit yang sama. Pihak pembelaan tidak menyoal SP7 untuk menunjukkan kemungkinan eksibit tersebut telah diusik, atau pada 27 September 2004 SP7 telah mengeluarkan bungkusan yang lain dari apa yang disimpannya pada 24 September 2004. Malahan kami dapati SP7 tidak disoal balas langsung oleh pihak pembelaan. Beban untuk membuktikan kes terhadap perayu beyond reasonable doubt sentiasa dipikul oleh pihak pendakwa. Pihak pembelaan hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah. Tetapi itu tidak bererti bahawa pihak pembelaan boleh menimbulkan perkara-perkara yang bersifat spekulasi tanpa asas yang munasabah. Setelah meneliti sendiri keterangan saksi-saksi pihak pendakwa seperti yang telah kami huraikan, tiada keraguan di fikiran kami bahawa ketulan tersebut yang telah dirampas oleh SP4 dari perayu adalah eksibit yang sama yang telah dihantar kepada SP3 dan dianalisa oleh SP3 dan disahkannya mengandungi sejenis dadah berbahaya di bawah ADB, iaitu, 866 gram Cannabis, dan bahawa dadah bahaya itulah yang didakwa perayu mengedarnya pada tarikh dan tempat seperti dalam pertuduhan terhadapnya. Oleh itu hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau memutuskan bahawa tiada alasan yang mewajarkannya meragukan identiti eksibit yang dirampas dari perayu.

[8] Dalam pengamatan kami dari keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah jelas bahawa perayu telah ditangkap dengan ketulan tersebut yang mengandungi 866 gram Cannabis tersorok di badannya dengan baju yang dipakainya dan bahawa apabila pihak polis menyerbu dan memperkenalkan diri mereka polis perayu telah cuba untuk melarikan diri dan meronta-ronta mengakibatkan berlakunya pergelutan sebelum perayu ditangkap. Dalam keadaan keterangan yang sedemikian, di akhir kes pihak pendakwaan, berdasarkan kepada keterangan SP4 yang disokong oleh keterangan SP5, hakim bicara berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan secara affirmative bahawa perayu mempunyai possession yang menjadi subjek pertuduhan terhadapnya, tanpa bergantung kepada presumption mengenai possession di bawah s. 37(d) ADB. Oleh kerana berat Cannabis tersebut adalah lebih dari 200 gram, hakim bicara telah memutuskan bahawa presumption di bawah s. 37(da) ADB terpakai dan perayu dianggap telah mengedar dadah berbahaya tersebut sehingga dibuktikan sebaliknya. Berikutan itu beliau memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu bagi kesalahan mengedar 866 gram Cannabis dan memanggil perayu untuk membela dirinya. Setelah meneliti keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa seperti yang terdapat dalam rekod rayuan, kami memutuskan bahawa hakim bicara telah membuat keputusan yang betul.

[9] Perayu telah memilih untuk membuat pernyataan dari kandang orang kena tuduh (statement from the dock). Di sisi undang-undang, perayu memang berhak membuat pernyataan yang sedemikian itu. Tetapi dalam kes yang semestinya bergantung kepada kebolehpercayaan, perayu perlu menanggung akibat membuat pilihan sedemikian itu. Hal ini dijelaskan oleh Thomson HB dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes *Udayar Alagan & Ors v. PP* [1962] 28 MLJ 39:

> There was evidence which made out that charge, if it was believed. There was evidence by the appellants to the contrary, though here it must be observed that two of them took the dangerous course of making a statement from the dock instead of going into the witness-box and giving evidence. An accused person is, of course, entirely within his legal rights when he elects to take that course, but in a case which must in the event depend on credibility he takes it at his own peril. The rule was stated in *Shimmin*'s case in 1882 by Mr. Justice Cave in a passage which, so far as I am aware (and I am quite prepared to be told I am wrong), has never been criticised:

A prisoner, though defended by counsel, may, if he chooses, himself make his statement to the jury. He ought to be heard in his defence, and have the opportunity of making his explanation of the circumstances proved against him. True, his statement was not made on oath, and that he was not liable to be cross-examined by the prosecuting counsel, and what he said was therefore not entitled to the same weight as sworn testimony.

[10] Intipati pernyataan perayu adalah seperti berikut. Pada tarikh kejadian lebih kurang jam 8.30 malam, dua orang rakannya, iaitu Jamal dan Wahyiddin telah meminta pertolongan perayu untuk mengambil satu bungkusan daripada seorang lelaki Melayu bernama 'Jali'. Jamal dan Wahyiddin memberitahu perayu bahawa Jali menunggunya di jalan tol Shahpadu dekat jambatan yang menghala masuk ke satu taman perumahan di Rantau Panjang. Jamal dan Wahyiddin juga memberitahu perayu bahawa bungkusan tersebut berisi ramuan ubat-ubatan. Perayu bersetuju untuk mengambil bungkusan tersebut kerana dia telah dijanjikan akan dibayar upah sebanyak RM150. Jamal telah memberikan sebuah motosikal jenis RC Sports kepada perayu. Perayu telah menunggang motosikal tersebut pergi ke tempat di mana Jali dikatakan akan menunggunya. Apabila sampai di tempat yang dimaksudkan itu perayu telah memberhentikan motosikal dan menunggu kedatangan Jali. Kira-kira 2-3 minit kemudian, datang seorang lelaki Melayu menghampirinya. Tiba-tiba datang pula lima orang dari arah belakangnya. Perayu menyangka bahawa orang-orang yang datang dari belakang itu adalah ahli-ahli RELA yang hendak menangkapnya kerana dia seorang pendatang haram. Menurut perayu, lelaki Melayu yang bernama Jali itu telah membuang satu bungkusan dan terus lari dari situ. Kemudian, perayu telah ditangkap oleh lima orang yang datang dari arah belakangnya.

[11] Adalah jelas bahawa asas penting dalam pembelaan perayu dalam pernyataannya ialah bahawa dia telah diupah RM150 pergi ke tempat kejadian oleh kawan-kawannya – Jamal dan Wahiddin untuk mengambil bungkusan yang berisi ramuan ubat-ubat dari Jali. Sebelum sempat dia mengambil bungkusan tersebut dia telah ditangkap. Jika asas penting itu benar sudah pasti perayu (melalui peguamnya) tidak akan terlepas pandang untuk mengajukannya (put) kepada saksi-saksi pihak pendakwaan terutama SP4 semasa mereka memberikan keterangan dalam pemeriksaan balas. Memang benar ketika SP4 disoal balas peguam ada mengajukan (put)

cadangan bahawa ada seorang lagi bernama Jali yang berada di tempat di mana perayu ditangkap dan cadangan tersebut telah dinafikan oleh perayu. Tetapi asas penting pembelaan seperti yang kami telah sebutkan tadi langsung tidak ditimbulkan dalam pemeriksaan balas SP4 atau mana-mana saksi pihak pendakwaan yang lain. Hakim bicara telah menimbangkan pernyataan perayu dari kandang orang kena tuduh dan menilainya bersama-sama dengan keterangan SP4 yang disokong oleh SP5, dan memutuskan bahawa perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pihak pendakwaan, dan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap perayu beyond reasonable doubt. Kami telah menimbang dengan teliti kesemua keterangan yang diberikan dalam kes ini termasuk pernyataan perayu dari kandang orang kena tuduh. Kami juga telah memeriksa alasan penghakiman hakim bicara dengan cermat. Kami memutuskan bahawa hakim bicara telah membuat keputusan yang betul dalam mendapati perayu bersalah, mensabitkannya dan menjatuhkan hukuman mati terhadapnya.

[12] Rayuan perayu ditolak. Sabitan dan hukuman terhadapnya dikekalkan.